

**UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
PRESIDEN UMNO MALAYSIA DI PEMBUKAAN
KONVENSYEN UMNO SELANGOR DI DEWAN
BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR
PADA 19^{HB} JANUARI, 1974**

Y.A.B. Dato' Harun bin Haji Idris, Ketua Perhubungan UMNO Negeri Selangor, Ahli-ahli. Yang Berhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dapat bersama-sama dengan ahli-ahli UMNO dari Bahagian-bahagian Negeri Selangor dalam Konvensyen UMNO yang diadakan pada hari ini. Saya mengucapkan terimakasih di atas sambutan dan juga kerjasama UMNO Selangor bagi mengadakan Konvensyen yang penting dan mustahak ini. Saya telah mengarahkan semua Bahagian-bahagian UMNO mengadakan Konvensyen di peringkat negeri sebelum diadakan Mesyuarat Perwakilan Bahagian dan Mesyuarat Agung Cawangan-cawangan.

Saudara-saudara sekalian.

Tujuan mengadakan Konvensyen ini, seperti saya telah terangkan pada masa saya membuka Konvensyen-konvensyen di negeri-negeri yang lain yang telah pun mengadakan Konvensyen ini, ialah supaya memberi kesedaran dan kewaspadaan kepada ahli-ahli UMNO sekalian tentang keadaan ekonomi dan suasana politik negara kita serta mengekalkan kesedaran dan kewaspadaan itu. Sangat mustahak untuk menjamin kekuatan dan perpaduan parti bahawa ketua-ketua UMNO di peringkat Bahagian dan Cawangan dan seterusnya semua ahli-ahli UMNO faham dan sedar akan tugas-tugas dan tanggungjawab masing-masing. Faham dan sedar akan pergolakan di negara kita, baik dari segi politik mahupun dari segi ekonomi dan sosial.

Tujuan kedua mengadakan Konvensyen ini ialah supaya memberi peluang kepada ahli-ahli UMNO sekalian mendengar penerangan dari Ketua-ketua dan Pemimpin-pemimpin dari Ibu Pejabat dan memberi peluang kepada mereka sendiri membincang antara satu dengan lain perkara-perkara yang berkaitan dengan parti dan negara. Dengan demikian, diharapkan akan dapat

menambahkan pengetahuan dan meluaskan pandangan ahli-ahli tentang usaha-usaha pembangunan yang sedang dilaksanakan sekarang terutama dalam konteks Dasar Ekonomi Baru. Dengan itu dapatlah ahli-ahli UMNO memberi kerjasama yang lebih sempurna dan berkesan lagi untuk menjayakan cita-cita dan matakamat Kerajaan bagi membina satu negara yang maju, moden dan bersatu padu serta memberi rakyat di negara kita, khasnya mereka yang tidak berada yang duduk di kampung-kampung dan di kawasan luar bandar mata pencarian yang lebih tinggi dan taraf hidup yang lebih sempurna sesuai dengan zaman kemajuan sains dan teknologi ini.

Ketiganya, diharapkan dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan dalam Konvensyen ini ahli-ahli UMNO dapat menentukan atau mengidentifikasi masalah-masalah masyarakat di sekeliling mereka, baik di kampung-kampung mahupun di bandar-bandar supaya dengan itu dapat kita bersama-sama mengatasi masalah-masalah itu serta mencari solutionnya, yang sesuai dengan kehendak kita hendak menubuh satu masyarakat yang adil, maju dan moden di kalangan semua rakyat di negara kita.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka menyatakan penghargaan dan pujian kepada Jawatan-kuasa yang menguruskan Konvensyen ini atas persediaan yang lengkap dan teratur yang telah diadakan itu. Juga saya mengucapkan terimakasih kepada penulis-penulis kertaskerja yang disediakan untuk dibincangkan dalam Konvensyen ini.

Setakat ini hampir separuh bilangan UMNO negeri-negeri telah mengadakan Konvensyen iaitu Perak, Pahang, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Diharapkan dalam satu dua bulan ini semua negeri-negeri akan selesai mengadakan Konvensyen mereka supaya dengan itu kita dapat menumpukan perhatian yang lebih terhadap Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan pada bulan Jun yang akan datang ini. Saya berharap melalui Konvensyen ini para pemimpin parti kita akan dapat menambah pengetahuan dan pengalaman mereka supaya dengan itu dapat memberi mutu pimpinan yang lebih baik, lebih cekap dan dengan penuh dedikasi terhadap parti, bangsa dan negara kita pada masa yang akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Perkara yang penting yang mesti diutamakan oleh ahli-ahli UMNO ialah perpaduan dan persefahaman di kalangan parti sendiri pada semua peringkat—Cawangan, Bahagian dan Negeri. Di samping itu, mustahaklah juga diadakan persefahaman antara ahli-ahli parti dalam Perikatan dan juga ahli-ahli parti dalam Kerajaan Campuran. Perpaduan ini sangatlah perlu dan mustahak dikekalkan pada setiap masa kerana hanyalah dengan adanya perpaduan kita dapat menjamin kekuatan parti kita dan kekuatan Kerajaan yang dipimpin oleh parti kita. Oleh yang demikian, ini adalah bermakna ahli-ahli UMNO hendaklah sentiasa meletakkan kepentingan parti di atas segala-galanya, mengeneipkan kepentingan diri sendiri demi kepentingan parti dan negara. Parti akan menjadi lemah kalau ada pertelingkahan sesama sendiri atau jika timbul di kalangan pemimpin parti sikap yang tidak sihat iaitu sikap mengambil kesempatan dari kedudukan dalam parti ataupun kedudukan dalam Kerajaan untuk kepentingan peribadi atau kepentingan diri sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Perjuangan UMNO di masa hadapan adalah mengikuti aliran baru sebagai pivot atau tunjang Barisan Nasional. Konsep baru ini iaitu konsep Kerajaan Campuran atau konsep Barisan Nasional adalah langkah baru yang diambil oleh UMNO untuk menyesuaikan strategi perjuangan kita dengan keadaan dalam negara yang sentiasa berubah itu. Kesanggupan kita memperjuangkan konsep Barisan Nasional ini adalah bukti kematangan dan keberanian kita untuk menghadapi perubahan-perubahan masa dan zaman. Daripada Parti Perikatan, kita menjadi Barisan Nasional dengan membawa parti-parti yang dulunya menentang kita bekerjasama dengan kita untuk kepentingan bangsa dan negara. Kita bersyukur ke hadrat Tuhan di atas kejayaan konsep Barisan Nasional ini. Kerajaan-kerajaan Campuran di Sarawak, Pulau Pinang, Perak dan Kerajaan Campuran Perikatan/PAS di peringkat negeri dan pusat adalah berjaya meredakan ketegangan politik dan menunjukkan kehasilan yang memuaskan. Konsep ini sambil mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dari berbilang bangsa akan dapat juga menentukan keperibadian nasional dan perpaduan rakyat yang lebih kuat dan kukuh. Konsep ini telah dapat membawa semua parti siasah yang menerima gagasan perpaduan negara atas landasan Dasar Ekonomi Baru.

Saudara-saudara sekalian.

Saya fikir kita patutlah berbangga dan bersyukur ke hadrat Tuhan kerana sungguhpun kita satu bangsa yang muda yang baru saja mencapai kemerdekaan tetapi kita telah berjaya mengatasi masalah-masalahan yang kita hadapi dengan kebijaksanaan kita sendiri. Selepas berlakunya Trajedi 13 Mei, kita telah berjaya mengadakan rundingan dengan semua parti-parti siasah dalam Majlis Perundingan Negara dan hasil daripada rundingan itu kita telah dapat menentukan haluan dan panduan negara kita pada masa yang akan datang. Dengan mengadakan Dasar Ekonomi Baru, kita sedang berusaha mengatasi masalah perbezaan ekonomi di kalangan rakyat negara kita. Begitu juga kita telah dapat menciptakan Rukunegara sebagai ideologi yang menjadi panduan hidup bagi semua rakyat dari berbilang bangsa. Berikutan dengan itu, kita telah dapat mengumpulkan tenaga daripada semua parti siasah yang menerima dasar itu bagi melaksanakan dasar itu supaya masalah yang dihadapi sebelum 13 Mei, 1969 itu dapat diatasi dan dihapuskan sama sekali. Saya berharap semoga susunan dalam parti-parti siasah yang ada sekarang dapat diperteguh dan dikekalkan lagi bagi menghadapi pilihanraya yang akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Kedudukan politik di Negeri Selangor ini adalah agak istimewa sedikit oleh kerana Selangor mempunyai masyarakat bandar di Ibu Kota memberi kesempatan yang lebih bagi parti-parti pembangkang DAP dan Pekemas semenjak dari masa yang lampau dulu. Saya berharap usaha-usaha akan dapat ditingkatkan lagi pada masa akan datang untuk memperkuatkan kedudukan UMNO/Perikatan dan Barisan Nasional dalam Wilayah Persekutuan supaya kita dapat menguasai semula politik di Ibu Kota ini. Ini adalah menghendaki semangat perpaduan dan persefahaman yang teguh oleh semua pihak terutama sekali di kalangan orang-orang Melayu sendiri supaya dengan itu kita dapat membawa pihak-pihak yang lain untuk bekerjasama dan menyokong parti kita dan Kerajaan kita. Dan lagi, dengan penubuhan Wilayah Persekutuan dan penambahan kawasan-kawasan pilihanraya di luar bandar di Negeri Selangor, saya yakin dan percaya kedudukan UMNO dan Perikatan akan bertambah baik untuk mengekalkan corak kekuasaan dalam Kerajaan kita.

Saudara-saudara sekalian.

Penubuhan Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari adalah merupakan kemajuan yang penting dalam detik sejarah negara kita. Saya suka mengambil peluang sekali lagi untuk menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap semua pihak khususnya D.Y.M.M. Sultan Selangor dan Dato Harun sebagai Menteri Besar serta ahli-ahli Kerajaan Selangor kerana telah memberi persetujuan dan kerjasama untuk menjayakan peralihan ini. Begitu juga saya mengucapkan terimakasih dan syukur kepada Tuhan kerana penubuhan Wilayah Persekutuan disambut oleh UMNO dan rakyat Negeri Selangor.

Saudara-saudara sekalian.

Patutlah kita memahami bahawa Ibu Kota Kuala Lumpur ini sudah jauh bezanya daripada tahun 1948 pada masa Kuala Lumpur mula-mula menjadi Ibu Kota Persekutuan Tanah Melayu dan juga jauh bezanya daripada keadaan semasa kita mula-mula mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dulu. Ibu Kota Kuala Lumpur telah maju dengan pesat dan bilangan penduduknya bertambah berpuluh kali ganda dan kerana itu patut sangat Kerajaan Pusat mempunyai kuasa penuh atas Ibu Negara yang telah menjadi Pusat Pentadbiran serta tumpuan taat setia seluruh rakyat. Begitu juga sebagai sebuah negara yang merdeka, Malaysia patutlah mempunyai Ibu Negara yang boleh diakui oleh rakyat semua negeri-negeri dalam Malaysia sebagai Ibu Negara yang mereka itu boleh mencurahkan taat setia sepenuhnya. Saya berharap tidak berapa lama lagi, rakyat Selangor akan mendapat satu Ibu Negeri baru yang moden di Shah Alam yang akan mencerminkan Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya. Saya telah tegaskan dulu dan saya tegaskan sekali lagi iaitu Kerajaan Pusat akan memberi sepenuh bantuan untuk menjadikan Shah Alam Ibu Negeri Selangor.

Dengan peralihan ini, saya berharap Kerajaan Selangor akan dapat menumpukan usaha-usaha dan tenaga mereka dalam lapangan pembangunan di tempat-tempat yang lain daripada Kuala Lumpur seperti Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Bangi dan Banting di mana terdapat ramai orang-orang Melayu yang asalnya rakyat negeri Selangor. Kerajaan Pusat dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah menyediakan rancangan-rancangan untuk memajukan setengah-setengah kawasan ini bagi permulaan

dan saya harap kemajuan yang pesat akan dapat dijalankan dengan memberi sepenuh-penuh faedah kepada rakyat yang berada di tempat-tempat yang tersebut itu. Sungguhpun Kuala Lumpur akan terkeluar daripada Negeri Selangor tetapi Negeri Selangor masih menjadi negeri yang penting dan mustahak yang mempunyai masa depan yang cemerlang kerana di Selangor terdapat tiga buah Pusat Pengajian Tinggi iaitu Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Institiut Teknologi MARA.

Saudara-saudara sekalian.

Berpaling pula kepada UMNO, tiada siapa dapat menafikan bahawa Bahagian-bahagian UMNO di Negeri Selangor adalah kuat dan subur. Oleh kerana Kuala Lumpur terletak dalam Negeri Selangor maka UMNO Selangor sentiasa dipandang tinggi oleh ahli-ahli UMNO di negeri-negeri lain, dan saya bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa pada hari ini pun UMNO Selangor kuat dan maju. Saya berharap keadaan ini akan dapat dikekalkan dan perselisihan di kalangan ahli-ahli diketepikan.

Saya seringkali mengingatkan pemimpin-pemimpin parti kita terutama Wakil-wakil Rakyat bahawa tanggungjawab dan kewajipan mereka kepada rakyat ialah berkhidmat kepada rakyat bukan memerintah rakyat. Pimpinan Parti kita pada setiap lapisan hendaklah memberi contoh dan tauladan yang baik serta sanggup berkorban dan meletakkan kepentingan rakyat dan negara di atas segala-galanya. Begitu juga pemimpin-pemimpin UMNO mestilah sentiasa berdamping dengan rakyat dan mengetahui kehendak-kehendak dan hasrat rakyat dari satu masa ke satu masa. Pemimpin yang tidak sanggup berbuat demikian, pada fikiran saya, baiklah mengundurkan diri awal-awal lagi sebelum mereka itu ditolak jatuh oleh rakyat. Rakyat berkehendakkan pemimpin-pemimpin yang jujur dan dedikasi untuk mereka meletakkan harapan serta menjadi penyambung lidah antara mereka dengan parti dan dengan Kerajaan. Kekuatan UMNO di semua peringkat terletak atas kesanggupan dan kejujuran kita memperjuangkan hasrat dan cita-cita rakyat. Jika kita berpisah atau lari dari cita-cita itu tentulah akan merosakkan akar umbi yang mengukuhkan pertumbuhan parti UMNO yang kita kasihi ini.

Saudara-saudara sekalian.

Kita hendaklah ingat bahawa kita adalah berasal dari rakyat dan kita dipilih oleh rakyat untuk berjuang bagi kepentingan rakyat. Kita janganlah sekali-kali lupa kepada rakyat yang telah memilih

kita dan memberi peluang kita berkhidmat dan mendapat penghormatan sebagai pemimpin-pemimpin dan wakil rakyat.

Saudara-saudara sekalian.

Kita patut juga sentiasa ingat bahawa perjuangan UMNO belum lagi selesai. Tujuan muktamad UMNO masih belum disempurnakan lagi dan banyak perkara yang menjadi sungutan rakyat Bumiputra belum lagi dilaksanakan dan yang UMNO mahu melaksanakan dari satu masa ke masa. Begitu juga keadaan hidup rakyat khususnya mereka yang duduk di kampung-kampung termasuk ahli-ahli UMNO juga masih belum memuaskan. Masih ramai petani-petani dan nelayan-nelayan yang mempunyai pendapatan yang boleh disifatkan rendah dan mestilah menjadi keazaman kita untuk membaiki dan meninggikan taraf hidup mereka itu. Kerajaan yang kita dukung pada hari ini masih mempunyai banyak tugas-tugas yang akan dilaksanakan sebelum cita-cita untuk membina satu masyarakat adil dan satu negara maju dan bersatu padu dapat dicapai. Bagi melaksanakan tugas-tugas penting yang belum tercapai itu, mustahaklah UMNO terus dipergiatkan lagi dengan mengukuhkan jentera pentadbiran, meningkat kegiatan politiknya sesuai dengan tuntutan zaman. Mustahak kita menentukan strategi yang imaginative dan sophisticated untuk mendapat keyakinan generasi muda yang terpelajar. Kita mengetahui sebahagian besar daripada rakyat negara ini yang ada sekarang berumur bawah daripada empat puluh tahun iaitu mereka yang berumur hanya belasan tahun sahaja pada masa kita mencapai kemerdekaan. Mereka ini berkehendakkan tempat yang sempurna dan mereka ini adalah menjadi kumpulan tenaga yang kuat yang mustahak disalurkan dalam UMNO untuk memperkuatkan perjalanan parti kita. Begitu juga mereka ini adalah sebahagian besar daripada pengundi-pengundi dan kalau kita berkehendakkan mereka menyokong parti dan Kerajaan kita, mustahaklah kita mempunyai strategi dan approach yang sesuai dan diterima oleh mereka itu. Begitu juga mustahak segala tenaga dan fikiran ahli-ahli dan pemimpin parti kita—pemuda dan wanita—disalurkan kepada usaha-usaha yang benar-benar memberi munafaat kepada perpaduan dalam parti dan kepada kebaikan dan kesejahteraan bangsa, agama dan negara.

Saudara-saudara sekalian.

Bagi mencapai matalamat ini yang saya sebutkan tadi mustahaklah UMNO dan pemimpinnya di semua peringkat bergerak menurut

landasan-landasan yang ditentukan mengikut dasar, peraturan dan berdisiplin. Takrif disiplin bukanlah bermakna membatasi atau menyekat sesiapaupun untuk bertindak dan bersuara. Tetapi di bawah disiplin parti, kebebasan itu mestilah digunakan bagi kepentingan negara dan bukan cita-cita seorang atau satu puak sahaja kerana dalam UMNO tidak ada "puak". Sesiapa yang mewujudkan "puak" atau "schism" maka ia berbuat demikian dengan penuh keinsafan akan bahaya yang boleh menyimpannya. Kata Bahasa Inggeris, "he does so at his own peril". Jika ada sesiapa yang melanggar atau menyeleweng dari disiplin ini maka ia akan hilang akar umbinya dengan UMNO tanpa mengira sesiapa atau berapa tinggi pangkatnya, hatta saya sendiripun jikalau didapati salah maka saya juga mesti menerima hukumannya.

Saudara-saudara sekalian.

Suasana politik di tanah air kita semakin hari semakin cerah dan penuh dengan optimism bagi kita menghadapi tahun-tahun akan datang. Kemajuan yang dicapai oleh negara di bawah konsep Coalition atau Campuran menunjukkan natijah yang baik dan oleh itu besar harapan parti-parti dalam Kerajaan Campuran akan dapat mencapai persetujuan mengenai strateji masa hadapan. Dengan adanya persefahaman ini dan dengan memilih serta menentukan "sistem politik" kita yang sesuai, saya yakin dan percaya, dengan izin Tuhan, kita akan dapat kemenangan yang cemerlang dalam pilihanraya yang akan datang kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Saya yakin dan percaya dengan izin Tuhan, selagi ahli-ahli UMNO di semua peringkat taat dan teguh kepada disiplin parti dan berjuang mengikut landasan yang telah ditetapkan itu, masa hadapan UMNO, parti-parti lain dalam Barisan Kebangsaan dan juga Negara sangat baik. Kita akan terus maju mencapai cita-cita membina masyarakat adil dalam Negara Malaysia yang maju dan makmur dan diberkati oleh Allah setiap masa.